

um. 3/6/06.

# Kenapa tidak bertindak?

Oleh ZULHISHAM ISHAK

**PAPAR** 2 Jun - Sikap sambil lewa pihak berkuasa dan lambat bertindak setelah menerima aduan penduduk sekali lagi mengundang tragedi.

Kali ini ia membabitkan kejadian sebuah jambatan yang merentangi Sungai Mandahan, dekat sini, runtuh dan mengorbankan seorang guru agama bersama anaknya setelah kereta mereka terjunam ke dalam sungai itu.

Lebih malang lagi, beberapa jam selepas kejadian itu, seorang pelajar universiti yang cuba menyeberangi sungai berkenaan dengan motosikal menggunakan jambatan kereta api, terjatuh ke sungai dan hilang dibawa arus.

Apa yang berlaku sudah pasti mewujudkan persoalan kenapa pihak berkuasa tidak bertindak pantas sebaik sahaja menerima aduan penduduk bagi mengelakkan bencana?

### ● Cerita saksi - Muka 3

Ini ekoran penduduk mendakwa mereka telah memaklumkan mengenai keadaan jambatan berkenaan yang sudah tidak selamat digunakan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) empat hari lalu.

Aduan itu jelas - aliran sungai di bawah jambatan tersebut tersekat dengan longgokan sampah dan kayu yang dikhuatiri akan menjejaskan strukturnya.

Menurut Ketua Kampung Mandahan, Matly Ayub, 50, sejak empat hari lalu aliran Sungai Mandahan di bawah jambatan itu tersekat.

Bagaimanapun, katanya, JPS yang dimaklumkan berhubung perkara itu tidak berbuat apa-apa.

Kata Matly, JPS hanya memaklumkan kepadanya bahawa Jabatan Kerja Raya (JKR) yang akan menjalankan kerja-kerja pembersihan jika keadaan bertambah teruk.

"Bukan kami sahaja yang mengadakan masalah ini tetapi penduduk kampung sebelah iaitu Kampung Lobang Batu turut menyuarakan perkara yang sama tetapi tiada tindakan," ujarnya.

Kata Matly lagi, akibat tiada tindakan, keadaan di bawah jambatan tersebut menjadi bertambah buruk dan akhirnya jambatan runtuh.

### ■ Lihat muka 3



**TERPUTUS...** Longgokan sampah dan kayu yang menyekat aliran air telah mengakibatkan pangkal jambatan merentangi Sungai Mandahan, Papar runtuh, semalam.

- Gambar ZULKARNAIN MOHD. SAIDIN

## Sambungan dari muka 1

3/6/06 um.



**ANGGOTA** Bomba dan Penyelamat mengeluarkan mayat Hussein Mastor yang terperangkap dalam keretanya selepas terjunam ke dalam Sungai Mandahan akibat jambatan runtuh di Lebu Raya Papar-Kimanis, Papar, Sabah, semalam.

# Kenapa tidak bertindak?

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman yang melawat tempat kejadian turut kesal dengan sikap kedua-dua jabatan berkenaan yang tidak mengambil tindakan segera apabila menerima aduan penduduk.

"Kita amat sedih dengan apa yang berlaku sehingga melibatkan kemalangan jiwa," katanya.

Ternyata akibat lambat bertindak mengatasi masalah itu telah mengundang padah dan hari ini kira-kira pukul 7.45 pagi Hussein Mastor, 51 yang menaiki kereta bersama anaknya, Mohd. Harun, 26, menjadi mangsa apabila jam-

batan itu runtuh.

Mayat Hussein ditemui beberapa jam selepas kejadian manakala mayat Mohd. Harun ditemui pada pukul 6.35 petang, kira-kira satu kilometer dari tempat kejadian.

### Hilang kawalan

Mangsa yang masih hilang ialah pelajar Universiti Malaysia Sabah, Zulhairi Abdul Rahman, 22, yang terjatuh ke dalam sungai itu apabila motosikal yang ditunggangnya hilang kawalan ketika melalui jam-

batan kereta api yang terletak berhampiran tempat kejadian sebagai laluan alternatif untuk ke Bangowan.

Apa pun tragedi sudah berlaku dan lebih perit lagi, kejadian itu juga menyebabkan penduduk di selatan daerah Beaufort dan Lawas di utara Sarawak terputus hubungan kerana jambatan tersebut merupakan penghubung kedua-dua kawasan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati jambatan sepanjang kira-kira 30 meter itu mendap dan runtuh di kedua-dua bahagian hujungnya.